

PM yakin BN akan kekal kuasa di Sabah

M.M. 27 MAY 1990

ALUR SETAR 26 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional akan terus mengekalkan pemerintahan kerajaan negeri di Sabah dalam pilihanraya negeri yang akan diadakan tidak lama lagi.

Katanya, Barisan Nasional pasti menang kerana kedua - dua parti terbesar di Sabah, iaitu Parti Bersatu Sabah dan USNO, merupakan parti - parti komponen Barisan Nasional.

"Ada dua buah Parti BN di Sabah, PBS dan USNO, siapa menang, menanglah. PBS dalam BN, USNO dalam BN, macam mana (BN) nak kalah?" Katanya kepada pemberita semasa menghadiri jamuan kesyukuran peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), di pekarangan pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan H-II MADA di Kepala Batas, dekat sini hari

ini. Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan hari ini untuk membolehkan pilihanraya negeri diadakan setahun lebih awal daripada masa penuh pemerintahan Kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, beliau belum dimaklumi mengenai pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah itu.

Menurutnya, perlembagaan negara ini memperuntukkan kebebasan kepada kedua - dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengadakan pilihanraya negeri masing - masing pada bila - bila masa yang sesuai.

Ketika ditanya sama ada parti - parti komponen Barisan Nasional di Sabah akan dibenarkan menggunakan

kan lambang parti masing - masing dalam pilihanraya akan datang, Dato' Sri Dr. Mahathir, yang juga Presiden Barisan Nasional berkata, BN belum menerima permintaan seumpamanya itu.

"Dulu ada permintaan nak guna lambang sendiri dan ada nak guna lambang BN. Kita bertolak ansur... terpulanglah," katanya.